
**KEPERLUAN MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP
PENGASUH DI RUMAH; SUATU TINJAUAN AWAL**

Mashitah Abdul Mutalib*, Siti Aishah binti Zulkifle

Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

*(Corresponding author) email: mashitahmutalib@usim.edu.my

ABSTRAK

Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti adalah penting dalam memastikan kanak-kanak itu dijaga dengan baik bukan sahaja dari segi kesihatan dan keselamatan mereka, malah dalam perkembangan pertumbuhan mereka. Jadi, perkhidmatan penjagaan kanak-kanak tidak seharusnya dianggap sebagai jagaan semata-mata sebaliknya ia merupakan peringkat awal untuk pendidikan kanak-kanak. Isu taman asuhan kanak-kanak berasaskan rumah yang tidak dikawal oleh undang-undang yang khusus adalah penting untuk diketengahkan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Malaysia melalui usaha perundangan. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji keperluan membangun rangka kerja undang-undang dalam mengawal selia pusat jagaan kanak-kanak di rumah. Mengikut undang-undang dan peraturan Malaysia, pusat asuhan kanak-kanak di rumah yang mengasuh kanak-kanak kurang daripada empat orang tidak perlu mendaftar dengan pihak berkuasa dan tidak dipantau oleh mana-mana undang-undang atau peraturan. Kejadian tidak diingini yang melibatkan pusat asuhan kanak-kanak di rumah yang tidak dikawal undang-undang boleh menjadi faktor pendorong untuk Malaysia membangun rangka kerja undang-undang dalam meningkatkan kualiti pusat tersebut. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian doktrin dalam bentuk pengumpulan data berasaskan dokumen analisis dan ulasan kes.

Keywords: *kanak-kanak, taska, undang-undang kanak-kanak*

PENGENALAN

Di bawah Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (CA), seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun ditakrifkan sebagai kanak-kanak. Menurut statistik demografi Malaysia, sehingga Mei 2021, seramai 9.69 juta penduduk Malaysia adalah terdiri daripada kanak-kanak iaitu 29.31% daripada jumlah penduduk Malaysia (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2021)

Berkenaan dengan hak kanak-kanak, pada tahun 1995, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-kanak, dengan beberapa pengecualian. Konvensyen itu menyokong hak kanak-kanak untuk mendapatkan perlindungan daripada bahaya, penderaan dan eksploitasi serta hak untuk berkembang sepenuhnya. Ini seharusnya menjadi prinsip panduan dalam menetapkan peruntukan terhadap penjagaan kanak-kanak. Matlamatnya adalah untuk mengiktiraf dan menegakkan hak kanak-kanak untuk mendapatkan peluang pertumbuhan yang baik serta perlindungan daripada sebarang bahaya. Oleh itu, dalam merangka rangka kerja perundangan untuk penjagaan kanak-kanak, prinsip berikut perlu dipatuhi. Prinsip tersebut adalah tanpa diskriminasi; kepentingan terbaik untuk kanak-kanak; penyertaan kanak-kanak itu; kelangsungan hidup dan perkembangan kanak-kanak; akauntabiliti kanak-kanak itu; dan hak kanak-kanak yang tidak boleh dibahagikan (United Nations Children's Fund (UNICEF), 2010).

Ratifikasi konvensyen tersebut pada tahun 1995 adalah salah satu bukti konkrit bahawa kerajaan bersedia untuk melindungi kanak-kanak melalui undang-undang domestik dan pada masa yang sama mematuhi konvensyen antarabangsa. Sejak tahun 1995, usaha telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk mempertingkatkan dan menambah baik perundangan sedia ada berkaitan kanak-kanak (Kahar & Mohd Zin, 2011). Bagaimanapun, persoalan yang tinggal ialah sejauh manakah perundangan itu berkesan dalam melindungi kanak-kanak, terutamanya mereka yang ditempatkan di pusat jagaan kanak-kanak.

Keperluan penjagaan kanak-kanak melalui kaedah di luar rumah telah meningkat sejak kebelakangan ini, apabila kedua-dua ibu bapa yang bekerja telah meningkat. Peningkatan peratusan wanita yang terlibat dalam tenaga buruh telah menyebabkan permintaan terhadap pusat jagaan kanak-kanak meningkat (Sulaiman et al., 2013).

Namun begitu, bilangan pusat jagaan kanak-kanak berdaftar yang ada di Malaysia tidak dapat menampung peningkatan bilangan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan di luar rumah. Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, bekas Timbalan Perdana Menteri membuat kenyataan bahawa menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2018 dianggarkan terdapat kira-kira 2.3 juta kanak-kanak berumur dari sifar hingga empat tahun (BERNAMA, 2018). Sekiranya 50 peratus daripada jumlah kanak-kanak ini perlu ditempatkan di pusat asuhan kanak-kanak, Malaysia memerlukan 38 333 pusat asuhan kanak-kanak pada tahun 2018. Namun begitu, sehingga 2019, Jabatan Kebajikan Malaysia melaporkan terdapat 4933 taska berdaftar di Malaysia dan daripada jumlah tersebut, 904 adalah taska di rumah. Walaupun berlaku peningkatan bilangan taska berdaftar, namun jumlah tersebut jauh dari menepati sasaran 38 333 pusat asuhan untuk menampung jumlah kanak-kanak.

ELEMEN-ELEMEN PENTING DALAM MEMASTIKAN PENGASUHAN YANG BERKUALITI

Kanak-kanak yang membesar perlu kepada pertumbuhan dan perkembangan yang baik. Persekitaran dan keadaan sekeliling mereka hendaklah dalam keadaan yang baik agar mereka boleh berkembang dengan sempurna. Keadaan persekitaran mempunyai impak terhadap tiga tahun pertama dalam perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, kerajaan haruslah memastikan tiada kanak-kanak dihalang daripada diberi peluang ini untuk berkembang (Chiam, 2008).

Perkembangan holistik kanak-kanak amatlah berkait rapat dengan pengasuhan yang berkualiti. Justeru itu, satu model kualiti telah dirangka bagi memastikan perkembangan kanak-kanak terjaga. Model Quality Improvement and Accreditation System (QIAS) dapat menjadi garis panduan kepada pusat jagaan kanak-kanak terhadap perkara yang menjadi keperluan dan perlu diberi perhatian dalam memastikan kualiti perkhidmatan mereka (Noor et al., 2016).

Selain itu, pusat jagaan kanak-kanak juga perlu dipantau dan menilai mengikut keperluan bagi memastikan pusat jagaan sentiasa dalam keadaan yang baik dan selamat untuk kanak-kanak. Penilaian yang efektif dan penggunaan instrumen yang berkualiti dapat memastikan perkembangan kanak-kanak berada di landasan yang betul (Mamat et al., 2020).

Begitu juga dengan pelaksanaan penggredan untuk pusat jagaan kanak-kanak. Ini kerana, dengan adanya sistem seperti ini dapat membantu ibu bapa untuk menilai dan memilih pusat jagaan yang terbaik untuk anak-anak mereka (Ramli et al., 2016). Dengan itu, ibu bapa juga dapat menarik nafas lega dan tidak risau semasa bekerja sementara anak mereka berada di pusat jagaan.

Instrumen-instrumen yang disebut di atas berkait rapat dalam mengukur kualiti pengasuhan terutamanya kualiti proses. Kualiti taman asuhan dapat dibahagikan kepada kualiti berbentuk proses dan kualiti substansi (Slot, 2018). Kualiti proses boleh dinilai menggunakan instrumen-instrumen seperti yang dinyatakan di atas. Manakala kualiti substantial perlu diregulasi untuk memastikan pematuhan di kalangan pengusaha dan juga pengasuh. Elemen-elemen penting daripada kualiti substansi adalah seperti nisbah pengasuh dan kanak-kanak, saiz kumpulan, pendidikan dan latihan pengasuh, kesihatan dan keselamatan, persekitaran fizikal dan elemen pendidikan (Abdul Mutalib, 2020).

Sebagai contoh, elemen pendidikan dan latihan kepada para pengasuh perlu diberi perhatian kerana pengasuh memainkan peranan penting dalam penjagaan kanak-kanak serta perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak. Jika pengasuh mempunyai kualiti yang baik, perkembangan pertumbuhan kanak-kanak juga terjamin.

Walaupun banyak perbincangan mengenai penjagaan kanak-kanak yang berkualiti terutamanya tentatng aspek kualiti proses, seperti hubungan mesra antara pengasuh kanak-kanak, aspek lain di luar bilik darjah juga penting dalam mempengaruhi kualiti penjagaan kanak-kanak. Antaranya ialah pembentukan rangka kerja undang-undang yang boleh menetapkan piawai berkualiti yang lengkap untuk pusat jagaan kanak-kanak (Phillips et al., 2000). Kualiti dan keyakinan masyarakat boleh dirangsang melalui peraturan (Victorian Government Department of Human Services, 2007). Peraturan merupakan satu panduan untuk memastikan keselamatan asas, mengurangkan kejadian yang tidak diinginkan, dan mengehadkan ancaman berbahaya kepada kanak-kanak. Ia adalah satu cara yang memberikan perlindungan serta meningkatkan pertumbuhan kanak-kanak (Gormley Jr., 1999). Ini menunjukkan betapa pentingnya peraturan dalam menjaga keselamatan dan pertumbuhan perkembangan kanak-kanak.

Kajian menunjukkan bahawa peraturan yang lebih ketat dapat menghasilkan kualiti asuhan yang lebih tinggi, terutamanya dari segi nisbah dewasa kepada kanak-kanak dan juga latihan pengasuh kanak-kanak. Peraturan yang lebih ketat juga boleh memberi kesan positif kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan, komunikasi antara orang dewasa dan kanak-kanak, dan gaji kakitangan (Phillips et al., 2000). Di Amerika Syarikat misalnya, negeri yang mempunyai peraturan yang lebih ketat direkodkan mempunyai kualiti penjagaan kanak-kanak yang lebih tinggi, berbanding negeri yang mempunyai peraturan yang lebih ringan (Cryer et al., 1999). Ilustrasi jelas mengenai hubungan antara peraturan dan kualiti telah ditunjukkan, di mana terbukti bahawa ketetapan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti tinggi boleh disediakan apabila nisbah dikawal dengan baik. Kajian Kakitangan Penjagaan Kanak-Kanak Kebangsaan AS mencadangkan bahawa pusat jagaan kanak-kanak akan mempunyai kualiti yang lebih baik apabila peraturan mengenai nisbah, saiz kumpulan dan latihan dalam Keperluan Penjagaan Harian Antara Agensi Persekutuan dipatuhi dengan baik (Munton et al., 2002).

Dapat dilihat disini bahawa untuk memastikan taska ini berada dalam tahap kualiti yang baik, pelbagai cara penilaian harus diperkenalkan. Walau bagaimanapun, keperluan untuk penguatkuasaan undang-undang juga perlu untuk memastikan elemen-elemen yang sepatutnya dikawal selia ini diambil perhatian oleh pengasuh.

INSIDEN-INSIDEN YANG MELIBATKAN KANAK-KANAK DI TAMAN ASUHAN

Kes-kes penderaan kanak-kanak bukanlah isu yang asing di Malaysia bahkan setiap tahun pasti ada sahaja kes penderaan yang dilaporkan. Menurut statistik daripada JKM, daripada 22136 kes

penderaan kanak-kanak yang dilaporkan bagi tempoh 2012 hingga 2017, 581 kes adalah penderaan kanak-kanak yang melibatkan pengasuh (Ramalingam & Alavi, 2020).

Menagambil contoh kejadian yang berlaku kepada dua orang kanak-kanak masing-masing berusia dua dan tiga tahun dipercayai didera oleh ahli keluarga pengasuh semasa berada di rumah pengasuh (Noh, 2021). Selain itu, seperti yang dilaporkan oleh Berita Awani pada tahun 2019, seorang kanak-kanak dipercayai didera bukan sahaja ditumbuk malah cuba ditekup dengan bantal serta kepalanya dimasukkan ke dalam baldi berisi air (Roslan, 2019).

Selain itu, terdapat juga laporan tentang kes yang melibatkan bayi perempuan berusia enam bulan, Nur Sofea Insyirah Mohd Sharil, yang dimasukkan ke hospital kerana mengalami pelbagai kecederaan disebabkan oleh pengasuhnya (News Straits Time, 2014). Satu lagi kejadian yang menggemparkan seluruh negara ialah kes membabitkan bayi berusia lima bulan bernama Adam Rayqal Mohd Sufi Naeif (Kumar, 2018). Pengasuh kanak-kanak itu didakwa atas tuduhan mendera kanak-kanak itu sehingga menyebabkan kecederaan di kepala. Kes itu menarik minat orang ramai kerana mayat kanak-kanak lelaki itu ditemui disembunyikan di dalam peti sejuk. Kes ini membuka mata kepada pihak berkuasa untuk menambah baik undang-undang penjagaan kanak-kanak. Menurut Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, pengasuh kanak-kanak ini tidak perlu mendaftar dengan JKM kerana pengasuh tersebut menjaga kurang daripada empat orang anak. Kes ini yang dibicarakan di mahkamah akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam subtopik soroton kes.

Satu lagi pengalaman pahit yang sama melibatkan bayi berusia sembilan bulan yang dilaporkan pada November 2018 (Farah Marshitah, 2018). Bayi itu disyaki telah didera secara fizikal dan seksual kerana terdapat kecederaan pada bahagian kemaluan, dubur dan kepala bayi itu. Bedah siasat melaporkan bahawa terdapat kecederaan akibat objek tumpul pada kepala bayi berkenaan. Pengasuh bayi dan suaminya telah ditahan oleh pihak polis dan malangnya, didapati bahawa suami pengasuh tersebut positif dadah jenis methamphetamine. Walaupun tindakan undang-undang reaktif boleh diambil di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 kerana mendera kanak-kanak itu dan juga di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana tindakan mereka telah menyebabkan kematian, tindakan awal pencegahan juga harus diteliti dengan baik untuk membendung pengasuh yang tidak bertanggungjawab dan tidak berkelayakan daripada menjaga kanak-kanak.

Ia amat membimbangkan apabila melihat kepada kes kemalangan yang tinggi di pusat jagaan kanak-kanak terutamanya apabila kematian bayi turut terlibat. Ini hanyalah beberapa contoh kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan. Adalah dipercayai bahawa terdapat lebih banyak kes yang berlaku di negara ini yang tidak dilaporkan atas pelbagai sebab (Kementerian Pembangunan Keluarga Wanita Keluarga dan Masyarakat & UNICEF, 2013). Oleh itu, pihak berkuasa perlu memberi perhatian apabila kajian empirikal menunjukkan ibu bapa tidak yakin tentang keselamatan anak-anak mereka di taman asuhan kanak-kanak (Kahar & Mohd Zin, 2011). Oleh itu, kajian ini meneliti keperluan untuk memerlukan pengasuh kanak-kanak, terutamanya pusat jagaan kanak-kanak di rumah dikawal selia oleh undang-undang walaupun bilangan kanak-kanak kurang daripada empat orang.

Insiden tidak diingini yang melibatkan pusat jagaan kanak-kanak di rumah juga boleh menjadi faktor pendorong bagi Malaysia untuk memastikan pengecualian pendaftaran hanya perlu diberikan dalam kes-kes khas. Ketidaan proses pemantauan oleh JKM menyebabkan langkah berjaga-jaga tidak dapat diambil untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku. Tambahan pula, walaupun terdapat pengasuh kanak-kanak di rumah yang berdaftar dengan JKM bagi mereka yang menjaga empat hingga sembilan kanak-kanak, syarat tersebut menyatakan

bahawa mereka hanya perlu menghadiri kursus sehari mengenai penjagaan asas fizikal kanak-kanak (Azizan et al., 2016).

SOROTAN KES-KES YANG MELIBATKAN PENGASUH YANG DIBICARAKAN DI MAHKAMAH

Terdapat banyak kes yang melibatkan kes penderaan kanak-kanak di mana ada di antara kes-kes berakhir dengan kematian. Seperti boleh dilihat di dalam kes *Pendakwa Raya v Noor Aqilah bt Abdul Rahman* [2020] 9 MLJ 766, tertuduh telah didakwa atas dua pertuduhan iaitu di bawah seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 atas kesalahan menyebabkan kecederaan dan seksyen 201 Kanun Keseksaan atas kesalahan melupuskan mayat dengan niat menyembunyikan. Hasil bedah siasat mendapati bahawa punca kematian bayi tersebut ialah kecederaan kepala disebabkan oleh trauma daya tumpul. Tertuduh telah mengaku bersalah tanpa syarat dan dijatuhkan hukuman tiga tahun enam bulan penjara, namun dipinda kepada enam tahun selepas rayuan pihak pendakwaan.

Kes ini jelas menunjukkan kepentingan latihan, kursus dan pendedahan kepada teknik penjagaan bayi dan kanak-kanak yang betul perlu diberikan kepada pengasuh. Elemen terpenting yang disebut dalam kajian iaitu pendidikan dan latihan untuk pengasuh terbukti relevan dalam kes ini. Kajian mendapati bahawa responden yang mengikuti kursus Kursus Asuhan Permata (KAP) memiliki kualiti pengasuhan yang lebih baik berbanding responden yang tidak mengambil KAP (Mohd Sharif et al., 2020).

Seperti yang dilustrasi di dalam kes Noor Aqilah, Peguambela telah berhujah bahawa responden mempunyai tahap kecerdikan yang rendah dan tindakan menyembunyikan mayat mangsa adalah suatu tindakan panik oleh seseorang yang mempunyai tahap kecerdikan yang rendah dan tidak tahu apa yang perlu dibuat apabila berlaku kemalangan yang di luar dugaan. Hal ini menunjukkan bahawa pentingnya pengasuh mempunyai pendidikan yang sempurna terutamanya tentang kualiti pengasuhan yang baik. Kes ini juga menunjukkan kepentingan untuk pengasuh mengetahui cara-cara untuk bertindak setelah berlaku apa-apa kemalangan atau kes kecemasan kepada bayi atau kanak-kanak

Kes seterusnya yang boleh dilihat ialah *Pendakwa Raya v Rudiana binti Razali* [2019] 1 LNS 1198, di mana tertuduh juga didakwa di bawah seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana bertindak cuai sehingga menyebabkan kecederaan kepada kanak-kanak berkenaan sehingga melecur. Namun dalam kes ini, tertuduh didapati tidak bersalah dan dilepaskan kerana pihak pendakwaan telah mengemukakan pendakwaan defektif terhadap tertuduh. Ini kerana pertuduhan yang dikenakan ke atas tertuduh adalah melakukan kecuaiian sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan dan perbuatan melakukan kecuaiian adalah tidak diperuntukkan di bawah seksyen 31 (1)(a) Akta tersebut.

Suatu pelajaran penting yang dapat diambil adalah untuk mencari solusi pro-aktif, selain hanya menggunakan pendekatan reaktif iaitu mengambil tindakan undang-undang setelah kejadian berlaku, dalam menangani kejadian-kejadian yang tidak diingini dalam isu pengasuhan kanak-kanak. Kesalahan prosedural dalam pendakwaan dan ketidakcukupan bukti mungkin memberi masalah dalam mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh. Proses yang rumit ini apabila melibatkan saksi daripada kanak-kanak memerlukan kerja keras melibatkan banyak pihak.

Selain kes penderaan fizikal yang menyebabkan kecederaan pada badan kanak-kanak, terdapat juga kes yang melibatkan amang seksual. Seperti contoh, kes *Sulaiman bin Aswari v Pendakwa Raya* [2020] MLJU 129. Mangsa iaitu kanak-kanak tersebut telah mengalami koyakan selaput dara pada kemaluannya di mana dipercayai bahawa tertuduh telah melakukan perbuatan menjilat dan

mengorek kemaluan mangsa. Tertuduh di dalam kes ini telah didapati bersalah dan disabitkan bagi satu pertuduhan di bawah seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. Hakim telah membuat keputusan berdasarkan pernyataan mangsa itu sendiri yang konsisten dalam memberi pernyataan.

Kes ini menunjukkan bahawa keperluan untuk mengetahui latar belakang pengasuh dengan teliti. Melalui pendaftaran contohnya, pemeriksaan latar belakang boleh dilaksanakan untuk memastikan pengasuh dan ahli keluarga tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah atau masalah kesihatan mental.

Kes yang sama melibatkan penderaan seksual juga boleh dilihat di dalam kes *Adam bin Hassan v Pendakwa Raya [2020] MLJU 2150*. Tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan dengan satu pertuduhan di bawah seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 di Mahkamah Sesyen Georgetown kerana melakukan amang seksual fizikal dengan menyentuh kemaluan seorang kanak-kanak perempuan berumur 3 tahun 8 bulan semasa kejadian. Namun, selepas rayuan dibuat, mahkamah telah mengenyepikan sabitan terhadap tertuduh dan memerintahkan agar tertuduh dilepaskan dan dibebaskan. Ini kerana, kekurangan bukti bahawa tertuduh melakukan perkara tersebut dan mempunyai alibi semasa kejadian tersebut berlaku.

Oleh itu, dicadangkan penguatkuasaan undang-undang melibatkan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 perlu segera dilaksanakan. Keperluan untuk mengawal taman asuhan di rumah dari segi undang-undang adalah salah satu cara pro-aktif untuk menghalang lebih banyak kejadian yang tidak diingini menimpa kanak-kanak yang diasuh di taska rumah yang tidak perlu berdaftar. Kesedaran para pengusaha pusat jagaan kanak-kanak yang menunjukkan kesedaran yang tinggi tentang garis panduan pendaftaran dan juga akibat daripadanya jika tidak mendaftar (Chin et al., 2021) perlu juga diterapkan di kalangan para pengasuh di rumah.

KEPERLUAN MENGUATKUASA UNDANG-UNDANG UNTUK TAMAN ASUHAN DI RUMAH

Di Malaysia, undang-undang khusus berkenaan pusat jagaan kanak-kanak atau taska ialah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak adalah digubal untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas TASKA dan bagi perkara yang berkaitan dengannya demi menentukan kesejahteraan, keselamatan dan perkembangan menyeluruh kanak-kanak diutamakan.

Manakala bagi Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 pula, menjelaskan tentang perkara-perkara yang perlu dipenuhi oleh pusat jagaan kanak-kanak untuk beroperasi. Kandungan di dalam peraturan-peraturan ini termasuklah pendaftaran taman asuhan, keselamatan, aktiviti taman asuhan kanak-kanak, kesihatan, pekerja taman asuhan, pengurus taman asuhan, premis dan kelengkapan taman asuhan, penyenggaraan rekod, pemakanan dan pelbagai.

Menurut Seksyen 2 Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, pusat asuhan kanak-kanak ditakrifkan sebagai mana-mana premis yang menerima masuk empat orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat tahun dari lebih daripada satu isi rumah untuk dijaga dengan upah. Walaupun tidak disebut secara khusus dalam bahagian tafsiran apa-apa tentang peraturan bahawa pengasuh kanak-kanak dan kanak-kanak itu tidak boleh menjadi saudara darah, Seksyen 3 Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 menggariskan perkhidmatan yang disediakan tidak termasuk dalam perkhidmatan yang disediakan oleh saudara-mara. Definisi saudara di sini termasuklah datuk nenek, adik beradik dan bapa saudara atau ibu saudara, yang mempunyai pertalian darah dengan anak-anak.

Terdapat keperluan di bawah undang-undang khususnya di bawah Bahagian II Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 untuk taman asuhan kanak-kanak mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ini melibatkan empat kategori taman asuhan kanak-kanak seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 5 Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, iaitu berasaskan rumah, berasaskan tempat kerja, berasaskan komuniti, dan berasaskan institusi. Kajian ini hanya tertumpu kepada pusat jagaan kanak-kanak di rumah. Sebuah pusat jagaan kanak-kanak berasaskan rumah yang dikehendaki berdaftar dengan JKM adalah yang menerima empat hingga sepuluh orang kanak-kanak dan kanak-kanak itu dijaga di rumah orang yang mendaftar dengan JKM.

Daripada definisi dan kategori taman asuhan kanak-kanak yang diliputi di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, jelas di sini bahawa penjagaan kanak-kanak berasaskan rumah yang menjaga kurang daripada empat kanak-kanak tidak perlu mendaftar dengan JKM. Oleh itu, kualiti perlindungan yang tersedia untuk taman asuhan kanak-kanak jenis ini dapat dipersoalkan dari segi keselamatan serta pertumbuhan perkembangan kanak-kanak. Insiden yang semakin meningkat melibatkan pusat asuhan kanak-kanak di rumah seharusnya menjadi pemangkin dalam membangunkan rangka kerja undang-undang yang sesuai untuk mengawal selia dan memantau pusat-pusat ini.

Malaysia boleh mengambil contoh daripada definisi Akta Penjagaan Kanak-Kanak 2006 United Kingdom yang mengambil kira penjagaan kanak-kanak dalam apa jua bentuk termasuk pendidikan, walaupun untuk seorang kanak-kanak sahaja. Ia ditetapkan dalam Seksyen 18 Akta Penjagaan Kanak-Kanak United Kingdom 2006 bahawa pengertian penjagaan kanak-kanak termasuk penjagaan walaupun untuk seorang kanak-kanak sahaja. Jelas dinyatakan bahawa "penjagaan kanak-kanak" bermaksud 'apa-apa bentuk penjagaan untuk kanak-kanak' dan, tertakluk kepada Seksyen 18 subseksyen (3), penjagaan termasuk (a) pendidikan untuk kanak-kanak, dan (b) apa-apa aktiviti lain yang diawasi untuk kanak-kanak. Perkataan yang digunakan di sini ialah "untuk kanak-kanak" tanpa limitasi bilangan menggambarkan bahawa pengasuh kanak-kanak yang menjaga seorang kanak-kanak sahaja juga tertakluk kepada undang-undang dan peraturan penjagaan kanak-kanak dalam Akta.

Sementara itu, di Australia, dalam mentakrifkan perkhidmatan pendidikan dan penjagaan, undang-undang Australia tidak menetapkan sebarang bilangan kanak-kanak untuk premis itu ditadbir di bawah Akta Undang-undang Kebangsaan Perkhidmatan Pendidikan dan Penjagaan 2010 (ECSNLA 2010). Takrif perkhidmatan pendidikan dan jagaan dalam Seksyen 5 ECSNLA 2010 menyatakan bahawa perkhidmatan termasuk 'sebarang perkhidmatan yang menyediakan atau bertujuan untuk menyediakan pendidikan dan penjagaan secara tetap kepada kanak-kanak di bawah umur 13 tahun'. Oleh itu, daripada definisi tersebut, tidak terdapat bilangan minimum yang telah ditetapkan dalam mentakrifkan perkhidmatan pendidikan dan penjagaan.

Usaha mengkaji semula definisi penjagaan kanak-kanak untuk memasukkan premis yang menjaga seorang kanak-kanak adalah selaras dengan saranan Persatuan Kebangsaan Amerika Syarikat untuk Pendidikan Kanak-kanak Muda, mengenai prinsip peraturan yang berkesan (National Association for the Education of Young Children (NAEYC), 1993). Prinsip pertama yang diketengahkan oleh NAEYC ialah tiada pengecualian yang harus diberikan kepada mana-mana program yang menyediakan penjagaan dan pendidikan untuk kanak-kanak.

Namun begitu, proses pendaftaran pusat asuhan kanak-kanak di rumah ini tidak seharusnya terlalu membebankan. Sebagai contoh, pemeriksaan tapak sebelum menjalankan operasi penjagaan kanak-kanak mungkin tidak diperlukan. Piawaian khas dalam menggalakkan pematuhan peraturan di pihak pengasuh perlu diwujudkan. Pusat jagaan kanak-kanak berasaskan rumah ini juga perlu

kepada piawai tersendiri untuk tidak membebankan para pengasuh di rumah yang rata-rata daripada orang perseorangan.

Dalam mengawal selia pusat jagaan kanak-kanak di rumah, penggubal undang-undang seharusnya mengambil perhatian bahawa undang-undang dan peraturan yang sangat ketat boleh mendorong kepada perkara seperti kos yang lebih tinggi dikenakan terhadap pengendali pusat jagaan kanak-kanak (Burchinal et al., 2015). Senario ini menjejaskan pengoperasian pusat jagaan kanak-kanak kerana mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih berpatutan kepada ibu bapa. Dengan peningkatan yuran, isu ketidakmampuan akan wujud. Oleh itu, semasa merangka undang-undang adalah perlu untuk memberikan tumpuan kepada ciri-ciri yang memberi kesan kepada pematuhan undang-undang dan peraturan.

KESIMPULAN

Adalah dicadangkan bahawa lebih banyak pemahaman dan kemahiran perlu diterapkan kepada pengasuh di rumah. Tambahan pula, apa yang lebih penting ialah pemeriksaan latar belakang untuk menentukan sama ada mereka layak dan bebas daripada sebarang masalah kesihatan mental atau kes jenayah.

Kepentingan kursus dan latihan seperti Kursus Pendidikan Awal Kanak-Kanak juga adalah penting dalam memastikan kualiti perkhidmatan asuhan dan penjagaan kanak-kanak memuaskan. Ini kerana, kursus dan latihan ini amat penting bagi pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak terutamanya dalam menghadapi kes-kes kecemasan.

Selain itu, melihat kepada kes kecuaihan yang melibatkan pengasuh kanak-kanak yang menjaga kurang daripada empat kanak-kanak, kajian lanjut untuk merangka undang-undang khusus untuk taman asuhan di rumah yang menjaga kurang daripada empat orang kanak-kanak perlu diteliti. Penguatkuasaan undang-undang terhadap sektor taman asuhan ini perlu dirangka dengan berhati-hati agar kebajikan dan keselamatan kanak-kanak sentiasa terjamin. Walau bagaimanapun, mekanisme yang efektif perlu digariskan untuk memastikan undang-undang ini tidak membebankan pengasuh di rumah. Tujuan undang-undang selain untuk memastikan kebajikan kanak-kanak terjaga, juga perlu dirangka untuk menggalakkan pematuhan di kalangan pengasuh.

RUJUKAN

- Abdul Mutalib, M. (2020). *Enhancing Child Care Centres in Malaysia through Legal Analysis*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azizan, C. R., Roslan, S., Konaen, S. N., Ahmad, N., & Yanti, H. (2016). Meneroka Peranan dan Komitmen di Sebalik Pemilihan Kerjaya Pengasuh TASKA. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 2(2), 1–9.
- BERNAMA. (2018, August 12). 80 Peratus Pengasuh di Taska Tidak Miliki Kelayakan Minimum. *Bernama.Com*. <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1631564>
- Burchinal, M., Magnuson, K., Powell, D., & Hong, S. S. (2015). Early Childcare and Education. *Handbook of Child Psychology and Developmental Science, Vol. 4: Ecological Settings and Processes (7th Ed.)*, 223–267. <http://ovidsp.ovid.com/ovidweb.cgi?T=JS&PAGE=reference&D=psyc12&NEWS=N&AN=2015-15587-006>
- Chiam, H. K. (2008). Child Care in Malaysia : Then and Now. *International Journal of Child Care and Education Policy*, 2(2), 31–41.

- Chin, T. H., Bing, C. Y., Dhamotharan, M., & Che Mustafa, M. (2021). Issues and Challenges in Early Childhood Care and Education Centre Registration Process: What the Operators Say? *Southeast Asia Early Childhood*, 10, 53–62.
- Cryer, D., Tietze, W., Burchinal, M., Leal, T., & Palacios, J. (1999). Predicting Process Quality from Structural Quality in Preschool Programs: A Cross-country Comparison. *Early Childhood Research Quarterly*, 14(3), 339–361. [https://doi.org/10.1016/S0885-2006\(99\)00017-4](https://doi.org/10.1016/S0885-2006(99)00017-4)
- Farah Marshitah, A. P. (2018). 20 years jail for babysitter's husband who sexually abused Baby Zara. *New Straits Times Online*.
- Gormley Jr., W. (1999). Regulating Child Care Quality. *Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 563(The Silent Crisis in U. S. Child Care), 116–129. <https://doi.org/10.2307/1048943>
- Kahar, R., & Mohd Zin, N. (2011). Child Related Policy and Legislative Reforms in Malaysia. In *International Journal of Social Policy and Society* (Vol. 8, pp. 6–36).
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. (2021). *Kenyataan Media Sambutan Hari Kanak-kanak Kebangsaan Tahun 2021* (Issue Oktober).
- Kumar, M. (2018). Babysitter Charged with Injuring Baby Adam Rayqal, Concealing Evidence of His Death. *New Straits Times Online*. <https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2018/07/390330/babysitter-charged-injuring-baby-adam-rayqal-concealing-evidence>
- Mamat, N., Che Mustafa, M., Chee Luen, L., Rahim Hamdan, A., Rahim Razalli, A., M, A. T. H., & Mahzan Awang, M. (2020). Promoting Children Potential and Social Abilities: A Qualitative Study of Nursery Assessment Practices in Malaysia. *Journal of University of Shanghai for Science and Technology*, 22(12), 1151–1158. <https://doi.org/10.51201/jusst12476>
- Mohd Sharif, M. H., Sidek, N. A., Saharuden, S. S., Engku Azman, N. A. E., Saineh, C., & Shu, B. Y. (2020). Kursus Asuhan PERMATA: Implikasi Terhadap Kualiti Amalan Pengasuhan Kanak-kanak. *Southeast Asia Childhood Journal*, 9(1), 15–27. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/SAECJ/article/view/3290>
- Munton, T., Mooney, A., Moss, P., Petrie, P., Clark, A., & Woolner, J. (2002). *Research on Ratios, Group Size and Staff Qualifications and Training in Early Years and Childcare Settings*.
- National Association for the Education of Young Children (NAEYC). (1993). *Licensing and Public Regulation of Early Childhood Programs*.
- News Straits Time. (2014, October 12). Onus on The Parents. *News Straits Time Online*. <http://www.nst.com.my/news/2015/09/onus-parents>
- Noh, M. F. (2021). Pengasuh-suami-anak-saudara-didakwa-dera-dua-kanak-kanak. *Berita Harian Online*.
- Noor, S., Don, Y., & Yaacob, A. (2016). A Quality Improvement and Accreditation System (QIAS) Model : The Catalyst for Quality Childcare Center. *The Social Sciences*, 11.
- Phillips, D. A., Mekos, D., Scarr, S., McCartney, K., & Abbott–Shim, M. (2000). Within and Beyond The Classroom Door: Assessing Quality in Child Care Centers. *Early Childhood Research Quarterly*, 15(4), 475–496. [https://doi.org/10.1016/S0885-2006\(01\)00077-1](https://doi.org/10.1016/S0885-2006(01)00077-1)
- Ramalingam, N., & Alavi, K. (2020). Penderaan Kanak-Kanak di Taska: Cabaran Pekerja Sosial. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(1), 1–9. <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/259>
- Ramli, N. A., Aziz, Nurul, A., Wahid, N., & Hasziani, S. (2016). Developing a Grading System to Measure Quality of Childcare Centre in Malaysia. *1ST INTERNATIONAL CONFERENCE ON WOMEN AND CHILDREN LEGAL AND SOCIAL ISSUES*, 1, 113–122.
- Roslan, A. (2019). Pengasuh didakwa dera kanak-kanak 3 tahun. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-didakwa-dera-kanak-kanak-3->

tahun-47391

- Slot, P. (2018). Structural characteristics and process quality in early childhood education and care: A literature review. In *OECD Education Working Paper* (Issue 176). https://www.oecd-ilibrary.org/education/structural-characteristics-and-process-quality-in-early-childhood-education-and-care_edaf3793-en%0Ahttp://www.oecd.org/education/school/earlychildhoodeducationandcare.htm.
- Sulaiman, Y., Othman, A., Perumal, S., & Hussin, Z. (2013). Escalating The Employee Organisational Commitment Through Internal Market Orientation: Childcare Centre's Perspective. *Int. J. Bus. Soc. Sci*, 4(6), 257–262.
http://www.ijbssnet.com/journals/Vol_4_No_6_June_2013/31.pdf
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (2010). *Establishment of a Child Care Centre at the Work Place by Corporate and Business Employers*.
- Victorian Government Department of Human Services. (2007). *The Children's Services Regulations Review: A discussion paper* (Issue August).

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran daripada Universiti Sains Islam Malaysia PPPI/FSU/0121/USIM/14121 di bawah tajuk 'Unregulated Home-Based Child Care Centre: A Proposal for A Regulatory Framework. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kerana tajaan dan pembiayaan penyelidikan ini.